Norhardi Bin Saad

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, 26 March, 2025 2:18 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: PROGRAM JEJAK RAMADHAN UUM 2025: KEPRIHATINAN BERTERUSAN DI SEKITAR TAPAH, PERAK



26 MAC 2025 / 25 RAMADAN 1446H
==========

HEPA ONLINE :

UUM HEPA KELUARAN KHAS

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

| #HEPprihatin | #Keserakanan | #MesraPelajar | Kebersamaan official_hepuum

PROGRAM JEJAK RAMADHAN UUM 2025: KEPRIHATINAN BERTERUSAN DI SEKITAR TAPAH, PERAK



Tapah, Perak (25 Mac) – Program Jejak Ramadhan UUM 2025 diteruskan lagi untuk siri yang ketiga di sekitar Tapah, Perak dengan matlamat menyantuni pelajar daripada keluarga B40 yang memerlukan sokongan menjelang Ramadhan. Inisiatif ini merupakan usaha bersama Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Pusat Kecemerlangan & Kepimpinan Pelajar (SELECT), Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP UUM).

Keprihatinan ini ditunjukkan melalui lawatan ke rumah beberapa pelajar untuk penyerahan sumbangan 6 bakul Ramadhan yang berisi barangan keperluan asas dan pihak MPP UUM juga menyumbang 6 kampit beras bagi meringankan beban pelajar UUM yang berasal di Tapah, Perak.

Sentuhan kasih Ramadhan daripada barisan pengurusan UUM dapat dirasai oleh para pelajar dan keluarga. Antara yang terlibat dalam penyerahan ini adalah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr Ahmad Martadha Mohamed, Dekan Hal Ehwal Pelajar, Prof Madya Dr. Zainudin Omar, Ahli Majlis Daerah Tapah, Dr. Mohamad Yusri, barisan kepimpinan MPP UUM yang diketuai Yang Dipertua, Saudara Mohamad Amar Aidid bin Mohd Zain serta Presiden Kelab Patriot Chapter Perak, Muhammad Syamil Idham Bin Ahmad Shaid.

Program Jejak Ramadhan UUM 2025 membuktikan komitmen universiti dalam menjaga kebajikan mahasiswa serta peranannya sebagai institusi yang prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan pelajar kerana UUM adalah universiti untuk semua.

Berita Oleh: Nurshuhada Ishak (Pelajar Praktikal SELECT)
Gambar Oleh: Muhammad Hafizal Faiz







#HEPPrihatin
#Keserakanan
#MesraPelajar
#Kebersamaan
#MalaysiaMadani
#UniversitiPengurusanTerkemuka

==========

Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman
Malaysia
Tel. : +604 928 4013
Fax : +604 928 4016
E-mail: hep@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.